

BRIEFING NOTE

**Y.BRS TUAN HAJI BORHAN BIN ABDUL HALIM
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
UNTUK MESYUARAT PENUH
BIL 5/2019 PADA 28 JUN 2019**

1.0. KEMBARA MEDIA PERAK 2019

Sebanyak 40 pengamal media daripada 22 agensi di seluruh negara akan mengikuti program Kembara Media Perak anjuran Jabatan Penerangan Negeri Perak bermula 28 Jun hingga 1 Julai 2019. Program ini diadakan bagi memberikan maklumat kepada pengamal media dengan mengunjungi pelbagai lokasi pelancongan sebelum menghebahkan perkara tersebut kepada pembaca mengenai pelbagai lokasi pelancongan menarik di sekitar negeri Perak.

Program Kembara Media Perak akan melawati tempat-tempat yang menarik seperti Movie Animation Park Studio (MAPS) di Meru, Royal Belum di Gerik, dan lain-lain. Taiping juga tidak terkecuali dalam lawatan ini dengan Zoo Taiping & Night Safari, Bukit Larut, Spritzer Eco Park dan Kuala Sepetang tersenarai dalam agenda lawatan pada 30 Jun 2019, ahad ini.

2.0 TAIPING KEMBALI JADI LOKASI PEMBARISAN DAN PERARAKAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2019

Selepas hampir 17 tahun, acara pembarisan dan perarakan sempena Hari Kebangsaan peringkat negeri Perak kembali dengan penuh sejarah ke Taiping Bandar Warisan pada 31 Ogos 2019. Sambutan ini mencatatkan sejarah kerana ianya signifikan bagi meraikan anugerah Bandar Taiping dalam 100 destinasi Bandar Lestari di dunia. Pembarisan dan perarakan ini akan disertai hampir 3,000 peserta dari pelbagai agensi memulakan langkah di Padang Esplanade mengeliling Bandar Taiping dan berakhir di Dataran Warisan Taiping. Bagi memeriahkan sambutan pada 31 Ogos itu, semua komuniti Taiping diminta mengibarkan Jalur Gemilang dengan penuh bangga sebagai cara mereka membuktikan manifestasi kasih sayang terhadap negara. Beberapa jalan utama di bandar Taiping akan ditutup dan dilencongkan secara berperingkat mulai 29 Ogos hingga 31 Ogos sempena acara ini. Laluan jalan pembarisan akan diperincikan tidak lama lagi.

3.0 PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO PROGRAM INISIATIF KOMUNITI (PINK) DAN LOGO PROGRAM MELESTARIKAN JALAN BEREK TAIPING (MJBT)

Orang awam diseru menyertai pertandingan mencipta logo PINK dan MJBT yang menawarkan hadiah yang menarik antaranya penginapan 2 hari 1 malam di hotel-hotel terpilih di Taiping, pas percuma ke Zoo Taiping/ Night Safari serta ke produk-produk pelancongan terpilih. Pertandingan ini merupakan sebahagian daripada usaha MPT untuk membuka ruang kepada orang awam bagi menjayakan PINK dan MJBT dengan menyumbangkan keringat mereka melalui karya yang kreatif. Layari Facebook Majlis Perbandaran Taiping untuk mendapatkan syarat dan borang penyertaan.

4.0 JOM JAYAKAN INISIATIF TAIPING BERSIH 90 HARI

Program Inisiatif Taiping Bersih 90 Hari (ITB90) diteruskan untuk kali ke lima pada hujung minggu ini, iaitu pada 30 Jun 2019. Pada kali ini, aktiviti 'Plogging' dan 'Trash Challenge' akan dijalankan di beberapa laluan utama di sekitar bandar Taiping. Penyertaan warga Taiping dalam aktiviti ini amat dialu-alukan sebagai usaha untuk membentuk sikap sukakan kebersihan dan menzahirkannya menerusi semangat bergotong royong. Aktiviti yang sama boleh dilaksanakan di kawasan tempat tinggal masing-masing. Bagi warga Taiping yang berminat untuk menyertai aktiviti di bandar Taiping pada 30 Jun ini, sila hubungi dengan Bahagian Korporat, MPT.

5.0 HARI BERTEMU PELANGGAN - PROGRAM MINGGUAN KHUSUS UNTUK WARGA TAIPING.

Orang ramai dialu-alukan untuk mengambil peluang menghadiri sesi Hari Bertemu Pelanggan (HBP) yang akan dipengerusikan oleh pihak pengurusan MPT iaitu Yang Dipertua atau Ketua-ketua Jabatan. Program mingguan ini berlangsung pada setiap hari Rabu minggu kedua dan keempat setiap bulan. Program HBP pada bulan Julai depan akan berlangsung pada 10 Julai dan 24 Julai bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Tingkat 3, Wisma MPT bermula 9.30 hingga 11.30 pagi. Program ini bertujuan untuk merakmatkan perkhidmatan awam agar hubungan MPT dengan masyarakat Taiping menjadi lebih erat menerusi pertemuan dan perbincangan secara dua hala dalam pelbagai isu dan perkara berkaitan perkhidmatan MPT.